

# BULETIN

FAKULTI  
PERAKAUNAN

EDISI 8





## Kemboja Putih & Telur Ayam

*Nur Nariza Mod Arifin, Fauziah Deraman dan Ahmad Izzat Mod Arifin*


Telur ayam merupakan “hot item” di mana-mana sahaja. Pelbagai juadah dapat dihasilkan daripada telur ayam. Tiap kali iklan jualan telur dibuat di perisian “Whatsapp” pasti ianya menjadi rebutan pembeli. Rezeki yang diterima oleh seorang pesara guru warga emas yang berumur 73 tahun dikenali sebagai Ki Pin di Dungun ini, bermula dari titik tolak hobinya yang santai bagi mengeluarkan peluh sambil menemani isterinya yang terlantar sakit ketika itu. Allah (swt) lebih menyayanginya, tanggal 10 Februari 2023, isteri beliau dijemput Ilahi. Al- Fatihah.



Semuanya bermula pada November 2022, beliau telah menghadkan aktiviti hanya di kawasan rumah setelah kesihatan isterinya yang menghidapi penyakit Parkinson semakin merudum. Rumah ayam dibina di belakang rumah berdekatan dengan bilik arwah isterinya bagi membolehkan beliau menjenguk isteri melalui tingkap sewaktu beliau menguruskan ayam di halaman belakang rumah. Kegigihan Ki Pin menyiapkan reban ayam dalam masa sebulan dengan menggunakan kebanyakannya bahan terpakai amat dikagumi memandangkan keringat pada umur beliau. Keluasan reban ayam 3 tingkat yang di bina adalah berukuran 10 x 5 kaki dan mempunyai reka bentuk yang tersendiri hasil kreativiti beliau.

Sebagai permulaan Ki Pin membeli 30 ekor anak ayam yang berumur 2 minggu daripada penternak untuk reban ayamnya. Anak ayam tersebut mengambil masa 4 bulan untuk bertelur. Pada bulan

Mac 2023, usaha Ki Pin membuahkan hasil. Telur yang dihasilkan oleh ayam-ayam tersebut adalah bersaiz gred C dan D pada awalnya. Ianya beralih pada saiz gred B atau A setelah umur ayam tersebut mencecah 4 bulan. Hampir setiap hari Ki Pin dapat menuai hasil penternakan telur ayam. Setiap ekor ayam akan mengeluarkan sebiji telur setiap hari. Secara purata 30 biji bersamaan sepapan telur dihasilkan setiap hari. Berdasarkan pengalaman penternak ayam telur, pengeluaran telur ini akan terus berlangsung secara efektif selama setahun setengah. Kemudian graf pengeluarannya akan menurun. Alhamdulillah setakat hari ini pengeluaran telur tidak mengecewakan. Stok telur yang segar akan diiklankan di medium aplikasi “Whatsapp” kepada rakan-rakan oleh anak Ki Pin. Gabungan tenaga “baby boomers” dan “Gen Y” memantapkan lagi usaha penjualan telur walaupun bukan secara meluas dan komersial.



Siapa sangka usaha asalnya menternak ayam hanya sekadar untuk menghiburkan hati dan menemani di saat sunyi telah membuka pintu rezeki Ki Pin. Kemboja Putih berseri di pusara, yang pergi akan tetap pergi namun perjuangan yang masih hidup belum selesai. Teruskan berusaha kerana rezeki Allah (swt) itu maha luas.



*\*Sumber gambar keseluruhan artikel ini adalah daripada penulis sendiri*